

D.R. 35/96

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Penyiaran 1988.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Penyiaran (Pindaan) 1996. Tajuk nngkas dan mula berkuatkuasa

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan tarikh yang berlainan boleh ditetapkan bagi mula berkuatkuasanya peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

2. Akta Penyiaran 1988, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dalam seksyen 2— Pindaan seksyen 2. Akta 338

(a) dalam takrif "bahan penyiaran"—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan "muzik," perkataan "filem,"; dan

- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan "berita" perkataan ", dokumentari, iklan";
- (b) dengan memasukkan selepas takrif "bahan penyiaran" takrif yang berikut:
- ' "bahan penyiaran asing" ertinya apa-apa bahan penyiaran yang dipancarkan dari mana-mana tempat, prerais, pesawat udara, vesel, keretapi atau kenderaan di luar Malaysia;';
- (c) dengan memasukkan selepas takrif "Menteri" takrif yang berikut:
- ' "orang awam" termasuklah suatu kumpulan orang ramai yang berada di dalam mana-mana kawasan, tempat, premis, pesawat udara, vesel, keretapi atau kenderaan atau apa-apa pengangkutan awam lain yang mengenakan bayaran masuk atau tambang, mengikut mana-mana, yang berkenaan, atau yang kepadanya orang ramai mempunyai akses;
- "pegawai diberikuasa" ertinya seseorang pegawai yang diberikuasa secara bertulis oleh Menteri bagi maksud-maksud Akta ini sama ada secara am atau berhubungan dengan suatu peruntukan spesifik Akta ini;
- "pesawat udara" ertinya mana-mana pesawat udara yang didaftarkan atau dilesenkan untuk digunakan di Malaysia;';
- (d) dengan menggantikan takrif "stesen penyiaran" dengan takrif yang berikut:
- ' "stesen penyiaran" ertinya suatu stesen yang memancarkan bahan penyiaran—
- (a) melalui gelombang radio atau gelombang bunyi atau apa-apa gelombang elektromagnetik lain, melalui eter, kawat, kabel atau satelit; dan

(b) untuk diterima oleh orang awam—

(i) sama ada atau tidak apa-apa bayaran dibuat atau fee lain dibayar oleh orang awam berhubungan dengan penerimaan bahan penyiaran itu; dan

(ii) melalui alat terima siaran radio atau alat terima siaran televisyen;'; dan

(e) dengan memasukkan selepas takrif "stesen penyiaran" takrif yang berikut:

' "vesel" termasuklah mana-mana kapal atau bot atau apa-apa perihal lain vesel yang didaftarkan di Malaysia, atau yang dilesenkan untuk digunakan, atau yang pada kebiasaannya disimpan, di Malaysia atau di dalam perairan wilayah Malaysia.'

3. Seksyen 3 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 3.

(a) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan "kapal, pesawat udara," dengan perkataan "premis, pesawat udara, vesel, keretapi"; dan

(b) dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan "kapal, atau pesawat udara" dengan perkataan "premis, pesawat udara, vesel, keretapi atau kenderaan".

4. Seksyen 4 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 4.

(a) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Tiada seorang pun boleh menyiarkan apa-apa bahan penyiaran di dalam atau dari Malaysia melainkan—

(a) melalui atau dengan menggunakan mana-mana perkhidmatan penyiaran yang ditetapkan dalam Jadual; dan

(b) di bawah dan mengikut suatu lesen yang diberikan oleh Menteri di bawah Bahagian ini.";

(b) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan "terma dan syarat" dengan perkataan "syarat-syarat"; dan

(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen- yang berikut:

"(5) Menteri boleh meminda Jadual melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*".

Pmdaan
seksyen 5.

5. Seksyen 5 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan "lesen" perkataan "atau melanggar mana-mana syarat lesennya".

6. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 7 dengan seksyen yang berikut:

"Kesahan
lesen 7. Suatu lesen yang diberikan di bawah Bahagian — hendaklah tertakluk kepada apa-apa syarat yang diendorskan dalamnya dan adalah, melainkan jika dibatalkan atau digantung terlebih dahulu, sah bagi tempoh yang ditetapkan oleh Menteri dalam lesen itu."

Pmdaan
seksyen 9.

7. Seksyen 9 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan "suatu"; dan

(ii) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam perenggan (d), dengan menggantikan perkataan "lesen" yang terdapat selepas perkataan "mengendalikan" dengan perkataan "stesen"; dan

Penyiaran (Pindaan)

- (b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan "kepada dia sebab-sebab kenapa" dengan perkataan "kepadanya, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penerimaan notis itu, sebab-sebab".

8. Seksyen 11 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 11

- (a) dengan menggantikan perkataan ", yang diberi kuasa dengan khasnya secara bertulis oleh Menteri" dengan perkataan "diberikuasa"; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan "menyediakan kepada" dengan perkataan "memberi".

9. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian III Bahagian yang berikut:

Bahagian
baru III.

"BAHAGIAN IIIA

LESEN UNTUK MENERIMA DI MALAYSIA DAN UNTUK
MEMANCARKAN DARI MALAYSIA

Lesen untuk
menerima
di Malaysia
dan untuk
memancar-
kan dari
Malaysia.

11A. (1) Tiada seorang pun boleh—

- (a) menerima di Malaysia apa-apa bahan penyiaran asing secara langsung dari; atau
- (b) memancarkan apa-apa bahan penyiaran dari Malaysia ke,

mana-mana satelit, melainkan di bawah atau mengikut suatu lesen yang diberikan oleh Menteri di bawah Bahagian ini.

(2) Seksyen ini tidak terpakai bagi seseorang yang beroperasi di bawah suatu lesen yang diberikan menurut Bahagian II untuk menyiarkan apa-apa bahan penyiaran dari Malaysia.

(3) Bagi maksud perenggan (1)(b), "bahan penyiaran" ertinya apa-apa isyarat atau semboyan yang dipancarkan bagi penerimaan aural atau visual atau kedua-duanya dan termasuklah apa-apa muzik, filem, dokumentari, sandiwara atau hiburan lain, konsert, syarahan, ceramah, ucapan, berita, iklan dan apa-apa jua bentuk maklumat lain.

(4) Lesen yang diberikan di bawah Bahagian ini hendaklah dalam apa-apa bentuk yang ditetapkan dan hendaklah sah bagi apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Menteri.

(5) Sebagai tambahan kepada syarat atau sekatan yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah perenggan 23(b), Menteri boleh mengenakan syarat dan sekatan lain yang hendaklah diendorskan pada lesen.

(6) Tertakluk kepada subseksyen (7), Menteri boleh, semasa sesuatu lesen berkuatkuasa, melalui notis bertulis kepada pemegang lesen, meminda, mengubah atau membatalkan mana-mana syarat atau sekatan lesen itu yang dikenakan di bawah subseksyen (5) atau mengenakan syarat dan sekatan tambahan.

(7) Menteri hendaklah memberikan notis bertulis tidak kurang daripada empat belas hari akan niatnya untuk meminda, mengubah atau membatalkan mana-mana syarat atau sekatan lesen yang dikenakan di bawah subseksyen (5) atau mengenakan syarat dan sekatan tambahan dan hendaklah menyatakan dalam notis itu pindaan, pengubahan atau pembatalan yang dicadangkan atau syarat atau sekatan yang hendak dikenakan.

(8) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya."

10. Seksyen 12 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 12.

(a) dengan menggantikan takrif "alat terima siaran radio" dengan takrif yang berikut:

' "alat terima siaran radio" ertinya apa-apa radas yang digunakan bagi penerimaan aural bahan penyiaran yang dipancarkan oleh gelombang radio atau gelombang bunyi atau apa-apa gelombang elektromagnetik lain, melalui eter, kawat, kabel atau satelit;';

(b) dengan menggantikan takrif "alat terima siaran televisyen" dengan takrif yang berikut:

' "alat terima siaran televisyen" ertinya apa-apa radas yang digunakan bagi penerimaan visual dan aural bahan penyiaran yang dipancarkan oleh gelombang radio atau apa-apa gelombang elektromagnetik lain, melalui eter, kawat, kabel atau satelit, termasuklah suatu antena penerima atau apa-apa kombinasi radas yang berupaya menerima secara langsung apa-apa bahan penyiaran;'; dan

(c) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam takrif "lesen", dengan menggantikan perkataan "memasang" dengan perkataan "menempatkan".

11. Akta ibu adalah dipinda dalam teks bahasa kebangsaan, dalam perenggan 13(1)(a), dengan menggantikan perkataan "memasang" dengan perkataan "menempatkan".

Pindaan
seksyen 13.

12. Seksyen 14 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 14.

(a) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan "memasang" di mana-mana jua terdapat dalamnya dengan perkataan "menempatkan";

(b) dalam subseksyen (2)—

- (i) dengan menggantikan perkataan "dikenakan denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara" dengan perkataan "didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan"; dan
- (ii) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan "dipasang" dengan perkataan "ditempatkan";

(c) dalam subseksyen (3)—

- (i) dengan menggantikan perkataan "dalam mana" dengan perkataan "atau pemunya mana-mana pesawat udara, vesel, keretapi atau kenderaan yang di dalamnya dijumpai suatu"; dan
- (ii) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan "berkenaan dengan mana" dengan perkataan "yang berkenaan dengannya"; dan

(d) dalam subseksyen (4)—

- (i) dengan menggantikan perkataan "tersebut adalah" dengan perkataan "atau pemunya itu"; dan
- (ii) dengan menggantikan perkataan "atau premis" dengan perkataan ", premis, pesawat udara, vesel, keretapi atau kenderaan".

Pemotongan
seksyen 15

13. Seksyen 15 Akta ibu adalah dipotong.

Pemotongan
seksyen 16.

14. Seksyen 16 Akta ibu adalah dipotong.

Pindaan
seksyen 18

15. Seksyen 18 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan "Bahagian V atau melanggar syarat-syarat dan sekatan-sekatan tertakluk kepada atau atas mana apa-apa lesen

telah dikeluarkan" dengan perkataan "Akta ini bagi maksud Bahagian ini dengan melanggar syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang tertakluk kepadanya atau yang menurutnya mana-mana lesen telah dikeluarkan di bawah Bahagian ini"; dan

- (b) dengan menggantikan perkataan "dikenakan denda tidak melebihi seribu lima ratus" dengan perkataan "didenda tidak melebihi tiga ribu".

16. Tajuk Bahagian V Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "PELBAGAI" dengan perkataan "KUASA-KUASA AM".

Pindaan tajuk Bahagian V.

17. Seksyen 19 Akta ibu adalah dipotong.

Pemotongan seksyen 19

18. Seksyen 21 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan seksyen 21.

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan "syarikat, firma, orang atau orang-orang" dengan perkataan "orang";
- (b) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan "tertakluk kepada mana apa-apa" dengan perkataan "yang tertakluk kepadanya apa-apa mesej"; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(3) Walau apa pun subseksyen (2), sesuatu mesej iklan yang hendak dipancarkan oleh suatu stesen penyiaran hendaklah dikemukakan kepada Menteri untuk kelulusannya.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (3) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan atau kedua-duanya."

Seksyen
baru 21A,
21B dan 21C.

19. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 21 seksyen yang berikut:

Lesen
untuk
mengedar
bahan
penyiaran.

21 A. (1) Tiada seorang pun boleh mengedarkan apa-apa bahan penyiaran bagi maksud mana-mana perkhidmatan penyiaran yang ditetapkan dalam Jadual melainkan di bawah atau mengikut suatu lesen yang diberikan oleh Menteri di bawah seksyen ini.

(2) Lesen yang diberikan di bawah seksyen ini hendaklah dalam apa-apa bentuk yang ditetapkan dan hendaklah sah bagi apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Menteri.

(3) Sebagai tambahan kepada syarat atau sekatan yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah perenggan 23(b), Menteri boleh mengenakan syarat dan sekatan lain yang hendaklah diendorskan pada lesen.

(4) Tertakluk kepada subseksyen (5), Menteri boleh, semasa sesuatu lesen berkuatkuasa, melalui notis bertulis kepada pemegang lesen, meminda, mengubah atau membatalkan mana-mana syarat atau sekatan lesen itu yang dikenakan di bawah subseksyen (3) atau mengenakan syarat dan sekatan tambahan.

(5) Menteri hendaklah memberikan notis bertulis tidak kurang daripada empat belas hari akan niatnya untuk meminda, mengubah atau membatalkan mana-mana syarat atau sekatan lesen yang dikenakan di bawah subseksyen (3) atau mengenakan syarat dan sekatan tambahan dan hendaklah menyatakan dalam notis itu pindaan, perubahan atau pembatalan yang dicadangkan atau syarat atau sekatan yang hendak dikenakan.

(6) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Kuasa Menteri untuk menggantung atau membatalkan.

21B. (1) Menteri hendaklah mempunyai kuasa untuk menggantung atau membatalkan mana-mana lesen yang diberikan di bawah seksyen 11A, 14, 21 atau 21A.

(2) Menteri hendaklah, sebelum menggantung atau membatalkan apa-apa lesen di bawah subseksyen (1), memberi pemegang lesen notis bertulis—

- (a) akan niatnya untuk berbuat sedemikian;
- (b) menyatakan sebab-sebab dia berniat untuk berbuat sedemikian; dan
- (c) meminta pemegang lesen memberikan sebab, dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penerimaan notis itu, kenapa lesennya tidak patut digantung atau dibatalkan.

Kuasa untuk mengecualikan.

21c. (1) Walau apa pun peruntukan seksyen 4, 11A, 14 dan 21A, Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengecualikan mana-mana orang atau kelas orang daripada kesemua atau mana-mana peruntukan Akta ini, tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan oleh Menteri patut dikenakan.

(2) Menteri boleh pada bila-bila masa, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, membatalkan apa-apa perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) jika dia berpuas hati bahawa pengecualian itu tidak lagi perlu diberi."

Bahagian
baru VI.

20. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 21c Bahagian yang berikut:

"BAHAGIAN VI

PENGUATKUASAAN

Kuasa untuk
masuk,
mengele-
dah dan
menyita.

21D. (1) Seseorang pegawai diberikuasa boleh, pada bila-bila masa, memasuki mana-mana tempat atau premis, dan memberhentikan dan memasuki mana-mana pesawat udara, vesel, keretapi atau kenderaan—

(a) jika pegawai diberikuasa itu mempunyai sebab-sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa—

(i) suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini telah atau sedang atau hampirakan dilakukan; atau

(ii) di tempat, premis, pesawat udara, vesel, keretapi atau kenderaan itu terdapat keterangan yang diperlukan untuk membuktikan bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini telah dilakukan;

(b) untuk memeriksa dan membuat salinan atau mengambil cabutan dari mana-mana buku, daftar atau dokumen lain yang dijumpai di situ; dan

(c) untuk mengeledah bagi mendapatkan dan menyita—

(i) mana-mana buku, daftar atau dokumen lain;

(ii) mana-mana alat terima siaran radio atau alat terima siaran televisyen; atau

(iii) apa-apa peralatan atau radas lain,

yang didapati olehnya telah, sedang atau hampir akan digunakan dalam pelakuan kesalahan itu dan yang boleh digunakan sebagai keterangan.

(2) Mana-mana orang yang enggan membenarkan kemasukan atau menghalang atau menghalang mana-mana pegawai diberikuasa yang sedang menjalankan mana-mana kuasanya di bawah seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Penggeledahan dan penyitaan dengan dan tanpa waran

21E. (1) Bagi maksud menjalankan kuasa di bawah seksyen 21D, seseorang pegawai diberikuasa boleh memasuki mana-mana tempat, premis, pesawat udara, vesel, keretapi atau kenderaan dengan kekerasan, jika perlu.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), tiada seorang pun pegawai diberikuasa boleh memasuki mana-mana tempat, premis, pesawat udara, vesel, keretapi atau kenderaan tanpa suatu waran geledah yang dikeluarkan oleh seorang Majistret melainkan jika dia mempunyai sebab-sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa oleh sebab kelengahan dalam mendapatkan suatu waran geledah—

(a) apa-apa buku, daftar, dokumen, alat terima siaran radio, alat terima siaran televisyen atau apa-apa peralatan atau radas lain yang disebut dalam seksyen 21D akan diganggu, dialihkan atau dimusnahkan; atau

(b) tujuan kemasukan itu mungkin terkecewa.

Senarai
barang yang
disita.

21F. Pegawai diberikuasa hendaklah menyediakan suatu senarai barang-barang yang disita di bawah seksyen 21D dan dengan serta-merta menyerahkan suatu salinan yang ditandatangani olehnya kepada penghuni tempat atau premis itu atau kepada pemunya pesawat udara, vesel, keretapi atau kenderaan itu atau kepada ejen atau pekerjanya.

Pelucutha-
kan alat
terima
siaran
radio, dll.

21G. (1) Bagi maksud seksyen ini, "pegawai yang bertanggungjawab" ertinya pegawai yang bertanggungjawab bagi Bahagian, dalam Kementerian Penerangan, yang bertanggungjawab ke atas perkara-perkara yang berkaitan dengan penguatkuasaan Akta ini.

(2) Mana-mana alat terima siaran radio atau alat terima siaran televisyen atau apa-apa peralatan atau radas lain yang disita dalam menjalankan apa-apa kuasa di bawah Akta ini boleh dilucuthak.

(3) Suatu perintah bagi pelucuthakan atau bagi pelepasan mana-mana alat terima siaran radio atau alat terima siaran televisyen atau apa-apa peralatan atau radas lain yang boleh dilucuthak di bawah seksyen ini hendaklah dibuat oleh mahkamah yang di hadapannya pendakwaan mengenainya dijalankan.

(4) Suatu perintah bagi pelucuthakan mana-mana alat terima siaran radio atau alat terima siaran televisyen atau apa-apa peralatan atau radas lain hendaklah dibuat jika telah dibuktikan sehingga memuaskan hati mahkamah—

(a) bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini telah dilakukan; dan

- (b) bahawa alat terima siaran radio atau alat terima siaran televisyen atau apa-apa peralatan atau radas lain itu telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu walaupun tiada seorang pun yang disabitkan atas kesalahan itu.

(5) Jika tiada pendakwaan mengenai mana-mana alat terima siaran radio atau alat terima siaran televisyen atau apa-apa peralatan atau radas lain yang disita dalam menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan oleh Akta ini, maka alat terima siaran radio atau alat terima siaran televisyen atau apa-apa peralatan atau radas lain itu hendaklah diambil dan disifatkan telah dilucuthak apabila habis tempoh satu bulan kalendar dari tarikh penyitaan itu dibuat melainkan jika suatu tuntutan baginya dibuat sebelum tarikh itu mengikut cara yang ditetapkan selepas ini.

(6) Mana-mana orang yang—

- (a) mengaku bahawa dia adalah pemunya mana-mana alat terima siaran radio atau alat terima siaran televisyen atau apa-apa peralatan atau radas lain yang disita; dan
- (b) menyatakan bahawa alat terima siaran radio atau alat terima siaran televisyen atau apa-apa peralatan atau radas lain itu tidak boleh dilucuthakkan,

boleh dengan sendiri atau melalui mana-mana orang yang diberikuasa olehnya secara bertulis, memberikan notis bertulis kepada seorang pegawai diberikuasa bahawa dia menuntut alat terima siaran radio atau alat terima siaran televisyen atau apa-apa peralatan atau radas lain itu.

(7) Setelah menerima notis di bawah subseksyen (6), pegawai diberikuasa itu hendaklah merujuk tuntutan itu kepada pegawai yang bertanggungjawab yang boleh, selepas menjalankan apa-apa siasatan yang perlu, mengarahkan supaya alat terima siaran radio atau alat terima siaran televisyen atau apa-apa peralatan atau radas lain itu dilepaskan atau merujuk perkara itu kepada rnahkaniah untuk diputuskan.

(8) Mahkamah yang kepadanya perkara di bawah subseksyen (7) dirujukkan hendaklah mengeluarkan suatu saman yang menghendaki orang yang mengaku bahawa dia adalah pemunya alat terima siaran radio atau alat terima siaran televisyen atau apa-apa peralatan atau radas lain itu dan orang yang daripadanya alat terima siaran radio atau alat terima siaran televisyen atau apa-apa peralatan atau radas tersebut disita, supaya hadir di hadapan mahkamah dan apabila kedua-dua mereka atau salah seorang daripada mereka hadir atau tidak hadir, setelah penyampaian wajar saman itu dibuktikan, mahkamah hendaklah terus memeriksa perkara itu.

(9) Mahkamah hendaklah, apabila dibuktikan bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini telah dilakukan dan bahawa alat terima siaran radio atau alat terima siaran televisyen atau apa-apa peralatan atau radas lain itu adalah hal perkara atau telah digunakan dalam pelakuan kesalahan itu, mengarahkan supaya alat terima siaran radio atau alat terima siaran televisyen atau apa-apa peralatan atau radas lain itu dilucuthak atau jika tiada bukti, boleh memerintahkan pelepasannya.

(10) Mana-mana alat terima siaran radio atau alat terima siaran televisyen atau apa-apa peralatan atau radas lain yang dilucuthak atau

yang disifatkan sebagai dilucuthak hendaklah dilupuskan mengikut apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh pegawai yang bertanggungjawab.

Kuasa untuk
menglak

21H. (1) Apabila mana-mana pegawai diberi kuasa mendapati bahawa adalah tidak praktik untuk memindahkan dari tempat ia dijumpai, mana-mana alat terima siaran radio atau alat terima siaran televisyen atau apa-apa peralatan atau radas lain yang disita olehnya dalam menjalankan kuasanya di bawah Akta ini, disebabkan oleh rupabentuk, saiz atau amaunnya, dia boleh menglak alat terima siaran radio atau alat terima siaran televisyen atau apa-apa peralatan atau radas lain itu.

(2) Mana-mana orang yang tak diberikuasa yang memecahkan, mengusik atau merosakkan apa-apa lak atau memindahkan mana-mana alat terima siaran radio atau alat terima siaran televisyen atau apa-apa peralatan atau radas lain atau cuba atau menyebabkan yang sedemikian dibuat, adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Kuasa untuk
menghendaki
buku, daftar
dan dokumen
lain di-
kemukakan.

21I. (1) Seseorang pegawai diberikuasa boleh, dengan notis bertulis, menghendaki mana-mana orang mengemukakan kepadanya apa-apa buku, daftar atau dokumen lain yang ada dalam milikan, jagaan atau di bawah kawalan orang itu atau yang berada dalam kuasa orang itu untuk dikemukakan.

(2) Jika seseorang gagal untuk mematuhi notis di bawah subseksyen (1), maka dia adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Kuasa untuk
menghendaki
maklumat
dan
memeriksa
orang.

21J. (1) Seseorang pegawai diberikuasa yang membuat penyiasatan di bawah Akta ini hendaklah mempunyai kuasa untuk mendapatkan maklumat, sama ada secara lisan atau bertulis, daripada mana-mana orang yang tahu akan fakta dan hal keadaan kes yang sedang disiasat itu.

(2) Mana-mana orang yang, apabila dikehendaki oleh seorang pegawai diberikuasa supaya memberikan maklumat di bawah seksyen ini, enggan mematuhi kehendak sedemikian atau mengatakan sebagai benar apa-apa maklumat yang diketahuinya atau yang dia ada sebab untuk mempercayai adalah palsu, tidak benar atau tidak betul, secara keseluruhannya atau sebahagiannya, adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(3) Apabila maklumat yang diberikan di bawah subseksyen (2) dibuktikan sebagai palsu, tidak benar atau tidak betul, keseluruhannya atau sebahagiannya, maka tidaklah boleh dijadikan suatu pembelaan dengan mengatakan bahawa maklumat itu atau mana-mana bahagiannya telah disalahtafsirkan atau diberikan dengan tidak sengaja atau tanpa niat jenayah atau fraud.

(4) Seseorang pegawai diberikuasa yang membuat penyiasatan di bawah Akta ini boleh menjalankan mana-mana atau segala kuasa yang diberikan oleh seksyen 111 Kanun Acara Jenayah, dan seksyen 112 hingga 116 dan seksyen 119 Kanun itu hendaklah terpakai bagi pernyataan-pernyataan yang dibuat oleh orang yang diperiksa semasa penyiasatan itu dilakukan.

Kuasa untuk
meng-
kompaun

21 K. (1) Seseorang pegawai diberikuasa boleh mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah—

- (a) Bahagian II, IIIA dan VI;
- (b) seksyen 21A; dan
- (c) mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini selain daripada bagi maksud-maksud Bahagian IV,

dengan membuat tawaran bertulis kepada orang yang semunasabahnya disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu dengan membayar sejumlah wang yang hendaklah dinyatakan dalam tawaran itu tetapi yang tidak boleh melebihi separuh daripada denda maksimum yang boleh dikenakan terhadap orang itu jika dia disabitkan atas kesalahan itu.

(2) Seseorang pegawai diberikuasa boleh mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah—

- (a) Bahagian IV;
- (b) seksyen 21; dan
- (c) mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini bagi maksud-maksud Bahagian VI,

dengan membuat tawaran bertulis kepada orang yang semunasabahnya disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu dengan membayar sejumlah wang yang hendaklah dinyatakan dalam tawaran itu tetapi yang tidak boleh melebihi satu ribu ringgit.

(3) Apabila bayaran diterima di bawah subseksyen (1) atau (2), tiada presiding selanjutnya boleh diambil terhadap orang itu berkenaan dengan kesalahan itu dan jika mana-mana alat terima siaran radio atau alat terima

siaran televisyen atau apa-apa peralatan atau radas lain telah disita, maka alat terima siaran radio atau alat terima siaran televisyen atau apa-apa peralatan atau radas lain itu boleh dilepaskan, tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan oleh pegawai diberikuasa itu.

(4) Menteri boleh menetapkan borang-borang yang hendak digunakan dan prosedur bagi mengkompaun kesalahan-kesalahan melalui peraturan-peraturan yang disiarkan dalam *Warta*.

(5) Jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran untuk mengkompaun tidak dibayar dalam masa yang ditetapkan dalam tawaran itu atau dalam apa-apa masa lanjutan yang diberikan oleh pegawai diberikuasa itu, maka pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat.

Kuasa untuk mendakwa

21L. Seseorang pegawai diberikuasa, yang berpangkat tidak rendah daripada Penolong Pegawai Penguatkuasa, boleh hadir dan mengendalikan apa-apa pendakwaan bagi apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini."

Bahagian baru VII,

21. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 21L Bahagian yang berikut:

"BAHAGIAN VII

PELBAGAI

Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan.

21M. (1) Jika suatu pertubuhan perbadanan rnelakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, maka mana-mana orang yang pada masa pelakuan kesalahan itu ialah pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang

seumpamanya dalam pertubuhan perbadanan itu atau yang berupa bertindak atas apa-apa sifat sedemikian atau yang dalam apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab ke atas pengurusan apa-apa hal-ehwal pertubuhan perbadanan itu atau yang membantu dalam pengurusan sedemikian—

- (a) boleh didakwa secara berasingan atau berse sama dalam presiding yang sama bersekali dengan pertubuhan perbadanan itu; dan
- (b) sekiranya pertubuhan perbadanan itu didapati telah melakukan kesalahan itu, boleh disifatkan telah melakukan kesalahan tersebut, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, melainkan jika dia membuktikan—
 - (i) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuannya atau pembiarannya; dan
 - (ii) bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah dan menjalankan segala usaha yang wajar untuk mencegah berlakunya kesalahan itu.

(2) Jika mana-mana orang boleh dikenakan apa-apa hukuman atau penalti bagi apa-apa perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran, maka dia boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama bagi tiap-tiap perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran mana-mana pekerja atau ejennya, atau pekerja ejennya jika perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu telah dilakukan—

- (a) oleh pekerjaanya dalam masa penggajiannya;

(b) oleh ejennya semasa bertindak bagi pihaknya; atau

(c) oleh pekerja ejennya dalam masa penggajian pekerja itu dengan ejennya atau selainnya bagi pihak ejennya.

Perlimdungan
terhadap
presiding
undang-
undang.

21N. Tiada apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau presiding lain boleh dibawa, dimulakan atau diadakan di dalam mana-mana mahkamah terhadap mana-mana pegawai diberikuasa berhubungan atau berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang dilakukan atau yang ditinggalkan daripada dilakukan olehnya bagi tujuan menguatkuasakan Akta ini melainkan jika dibuktikan bahawa perbuatan itu dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan dengan niat jahat dan tanpa kepercayaan yang munasabah bahawa ia adalah perlu bagi melaksanakan tujuan yang dimaksudkan olehnya.

Tanggung
rugi.

21o. (1) Kerajaan tidak boleh dikehendaki menggantikan apa-apa kerosakan yang berlaku kepada sesuatu alat terima siaran radio atau alat terima siaran televisyen atau apa-apa peralatan atau radas lain akibat daripada kemasukan, penggeledahan atau penyitaan di bawah Akta ini, melainkan jika kerosakan itu telah disebabkan oleh pengabaian atau kesalahan yang disengajakan oleh seorang pegawai awam.

(2) Jika berlaku apa-apa pertikaian tentang amaun pampasan berkenaan dengan apa-apa kerosakan yang disebabkan sedemikian, maka amaun pampasan itu hendaklah ditentukan dan diputuskan secara terus oleh suatu mahkamah Majistret."

Pindaan
seksyen 22.

22. Subseksyen 22(1) Akta ibu adalah dipinda, dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan "authroized" dan "licesed" masing-masingnya dengan perkataan "authorized" dan "licensed".

23. Seksyen 23 Akta itu adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 23.

- (a) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam perenggan (a)—
- (i) dengan menggantikan perkataan "memasang" dengan perkataan "menempatkan"; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan "diberi" dengan perkataan "dibenarkan";
- (b) dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut:
- "(aa) menetapkan borang-borang yang hendak digunakan, butir-butir dan maklumat yang hendak dikemukakan, cara dan prosedur yang hendak diikuti dan fee yang hendak dibayar berkenaan dengan permohonan lesen di bawah seksyen 11A, 21 dan 2A;
 - (ab) menetapkan borang-borang bagi lesen yang diberikan di bawah seksyen 11A, 21 dan 2A;"
- (c) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:
- "(b) menetapkan syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang di atasnya dan tertakluk kepadanya lesen-lesen di bawah seksyen 11A, 14, 21 dan 21A diberikan;"
- (d) dalam perenggan (c), dengan menggantikan perkataan "itu" dengan perkataan "di bawah seksyen 11A, 14, 21 dan 21A"; dan
- (e) dengan memasukkan selepas perenggan (d) perenggan yang berikut:
- "(da) menetapkan spesifikasi apa-apa radas, sebagaimana yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan yang sama, yang menjadi sebahagian daripada suatu alat terima siaran radio atau alat terima siaran

televisyen, termasuklah suatu antena penerima; dan".

Jadual baru. **24.** Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 23 Jadual yang berikut:

"JADUAL

Perkhidmatan Penyiaran

(Perenggan 4(l)(a))

I. Perkhidmatan radio

- i. Perkhidmatan radio yang bebas dikeudarkan tanpa bayaran
- ii. Perkhidmatan radio kabel
- iii. Perkhidmatan radio satelit

II. Perkhidmatan televisyen

- i. Perkhidmatan televisyen yang bebas dikeudarkan tanpa bayaran
- ii. Perkhidmatan televisyen kabel
- iii. Perkhidmatan televisyen satelit
- iv. Perkhidmatan televisyen berbayar
- v. Perkhidmatan televisyen siaran dalaman sama ada dengan atau tanpa bayaran

III. Perkhidmatan nilai tambahan lain termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

- i. Perkhidmatan televisyen interaktif
- ii. Perkhidmatan teleteks".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Penyiaran 1988 ("Akta").

2. *Fasal 1* memperkatakan tajuk ringkas dan mula berkuatkuasanya Rang Undang-Undang ini.

3. *Fasal 2* dan *10* bertujuan meminda takrif beberapa istilah tertentu dalam Akta dan memasukkan takrif baru ke dalam Akta, antara lainnya, untuk menampung keperluan teknologi baru dalam bidang penyiaran dan memperkemaskan penguatkuasaan Akta.

4. *Fasal 4* bertujuan meminda subseksyen 4(1) Akta yang menghendaki kedua-dua aktiviti penyiaran apa-apa bahan penyiaran di dalam Malaysia atau dari Malaysia dilesenkan dan menetapkan jenis perkhidmatan penyiaran, sebagaimana yang disenaraikan dalam suatu Jadual baru yang dimasukkan *melalui fasal 24*, yang melaluinya bahan penyiaran boleh disiarkan. Kuasa diberi kepada Menteri untuk meminda Jadual melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, dalam subseksyen baru (5) yang dimasukkan dalam seksyen 4 Akta.
5. Seksyen 5 Akta dipinda dalam *fasal 5* untuk menjadikan pelanggaran syarat-syarat lesen penyiaran suatu kesalahan.
6. Tempoh kesahan maksimum selama 12 bulan bagi suatu lesen penyiaran yang terkandung dalam seksyen 7 Akta digantikan dalam *fasal 6* dengan suatu peruntukan yang memberi Menteri kuasa untuk menentukan tempoh lesen.
7. *Fasal 7* bertujuan memperuntukkan bahawa seseorang pemegang lesen yang kepadanya suatu notis tentang niat untuk menggantung atau membatalkan lesen penyiarannya telah dikeluarkan di bawah subseksyen 9(1) Akta, hendaklah memberikan sebab dalam masa tiga puluh hari dari penerimaan notis itu kenapa penggantungan atau pembatalan itu tidak boleh dibuat.
8. *Fasal 9* bertujuan memasukkan seksyen baru 11 A dalam Bahagian IIIA yang baru yang menghendaki suatu lesen diperolehi sebelum seseorang boleh menerima di dalam Malaysia apa-apa bahan penyiaran asing dari mana-mana satelit atau memancarkan dari Malaysia apa-apa bahan penyiaran ke mana-mana satelit.
9. Perkataan-perkataan "memasang" dan "dipasang" dalam teks bahasa kebangsaan digantikan masing-masingnya dengan perkataan "menempatkan" dan "ditempatkan" dalam *fasal 10, 11, 12 dan 23* untuk menggambarkan padanan bagi pengertian perkataan "install" mengikut konteks Akta.
10. Subseksyen 14(2) Akta dipinda dalam *axa/12* untuk menambah penalti maksimum bagi kesalahan-kesalahan berhubungan dengan alat terima siaran radio dan alat terima siaran televisyen daripada tiga ribu ringgit kepada sepuluh ribu ringgit.
11. *Fasal 15* bertujuan menambah penalti am bagi kesalahan-kesalahan di bawah Bahagian IV dalam seksyen 18 daripada seribu lima ratus ringgit kepada tiga ribu ringgit.
12. *Fasal 16* bertujuan meminda tajuk Bahagian V Akta daripada "PELBAGAT kepada "KUASA-KUASA AM".

13. *Fasal 18* bertujuan memasukkan subseksyen baru (3) dan (4) ke dalam seksyen 21 Akta. Dengan ini keperluan pentadbiran yang menghendaki kelulusan Menteri didapatkan terlebih dahulu sebelum penayangan apa-apa iklan, menjadi suatu keperluan undang-undang. Kegagalan untuk mendapatkan kelulusan tersebut adalah suatu kesalahan yang tertakluk kepada penalti sebanyak sepuluh ribu ringgit atau satu tahun penjara atau kedua-duanya.

14. Seksyen baru 21 A hingga 21 C dimasukkan ke dalam Akta dalam *fasal 19*. Seksyen 21A memberi Menteri kuasa untuk memberikan lesen untuk mengedar bahan penyiaran. Seksyen 21s adalah tentang kuasa Menteri untuk membatalkan atau menggantung lesen dan hak pemegang lesen untuk memberikan sebab kenapa lesennya tidak boleh dibatalkan atau digantung. Menteri diberi kuasa untuk mengecualikan mana-mana orang atau kelas orang daripada pemakaian seksyen 4, 11A, 14 dan 21A Akta dalam seksyen 21c.

15. *Fasal 20* memperkatakan Bahagian VI yang baru tentang penguatkuasaan. Seksyen 21D adalah mengenai kuasa untuk masuk, menggeledah dan menyita. Kuasa untuk menggeledah dan menyita dengan dan tanpa waran diperuntukkan dalam seksyen 21E. Keperluan untuk membuat senarai barang-barang yang disita terkandung dalam seksyen 21F. Peruntukan tentang pelucuthakan semua barang yang disita terkandung dalam seksyen 21G. Kuasa mengelak diperuntukkan dalam seksyen 21H. Kuasa untuk menghendaki pengemukaan buku-buku, daftar-daftar dan dokumen-dokumen lain diperuntukkan dalam seksyen 21I. Kuasa untuk menghendaki maklumat dan memeriksa orang diperuntukkan dalam seksyen 21J. Kuasa untuk mendakwa terdapat dalam seksyen 21K manakala kuasa untuk mengkompaun terkandung dalam seksyen 21L.

16. *Fasal 21* bertujuan memasukkan Bahagian VII yang baru tentang peruntukan pelbagai. Kesalahan-kesalahan oleh pertubuhan perbadanan diperkatakan dalam seksyen 21M. Seksyen 21N adalah berhubungan dengan perlindungan terhadap presiding undang-undang yang diberikan kepada seorang pegawai diberikuasa. Seksyen 21O bertujuan memberikan indemniti kepada Kerajaan.

17. *Fasal 22* bertujuan membetulkan kesilapan ejaan bagi perkataan "authorized" dan "licensed" dalam teks bahasa Inggeris dalam seksyen 22 Akta.

18. *Fasal 23* bertujuan membolehkan Menteri menetapkan peraturan-peraturan yang timbul daripada kuasa-kuasa tambahan yang diberi kepada Menteri dalam Rang Undang-Undang ini.

19. Pindaan lain yang tidak disebut secara khusus adalah pindaan kecil atau yang berbangkit.

IMPLIKASJ KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan tambahan. [PN. (U²) 1899.]